

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 April 2017

SOALAN

Puan Bathmavathi Krishnan minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan selain dari sukan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi pemerkasaan golongan belia OKU di Malaysia.

JAWAPAN

Kerajaan melalui Akta Orang Kurang Upaya 2008, Dasar Orang Kurang Upaya 2007, dan Pelan Tindakan OKU 2016-2022 sentiasa berusaha untuk memastikan golongan orang kurang upaya (OKU) mendapat hak dan peluang sama rata dalam masyarakat. Usaha yang dilakukan ini termasuk menggunakan pendekatan pemerksaan OKU dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pendidikan, sosial, sukan dan sebagainya. Pemerksaan OKU memfokuskan kepada pembangunan sendiri OKU itu sendiri. Antara elemen yang ditekankan adalah daripada aspek mencungkil dan menggilap potensi diri, meningkatkan kemahiran, meningkatkan jati diri dan motivasi yang bertujuan untuk mempersiapkan OKU agar mereka benar-benar bersedia untuk diintegrasikan ke dalam masyarakat. Belia OKU juga tidak terkecuali mendapat manfaat daripada usaha-usaha Kementerian yang berteraskan kepada pendekatan pemerksaan. Antaranya adalah dengan menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti: i. Perkhidmatan Job Coach Perkhidmatan Job Coach berperanan untuk membantu belia OKU untuk terlibat dalam pekerjaan di pasaran terbuka dan kekal dalam pekerjaan. Melalui perkhidmatan Job Coach, belia OKU mampu untuk menyesuaikan diri dengan tugas yang dipertanggungjawab selain dapat mewujudkan hubungan saling memahami antara pekerja OKU dengan majikan dan rakan-rakan sekerja agar mereka dapat membantu OKU bekerja secara berterusan di samping meningkatkan kualiti perkhidmatan. Melalui pekerjaan, belia OKU dapat diperkasakan daripada aspek ekonomi iaitu selaras dengan Teras Strategik 2, Pelan Tindakan OKU 2016-2022 yang bermatlamat untuk meningkatkan penyertaan OKU dalam pasaran pekerjaan, terbuka, inklusif dan boleh diakses bagi membolehkan mereka hidup berdikari dan menyumbang kepada pembangunan negara. Bagi tempoh 2012 hingga Mac 2017, seramai 603 OKU telah memperoleh pekerjaan melalui perkhidmatan Job Coach. ii. Disability Equality Training (DET) DET ialah satu proses penyertaan untuk mempelajari tentang ketidakupayaan (disability) daripada perspektif Model Sosial. DET adalah kursus yang direka cipta dan disampaikan atau diterjemahkan sendiri oleh warga OKU yang mempunyai pengalaman didiskriminasi. Melalui DET juga OKU dimotivasi dan diperkasa agar mereka mampu menghadapi segala cabaran atau halangan kehidupan secara berhemah dan bermaruah. Sehingga Disember 2016, JKM telah melatih seramai 43 OKU di Malaysia dan 6 daripadanya Pegawai JKM sebagai jurulatih DET sepenuh masa. iii. Program Independent Living (IL) Independent Living (IL) merupakan konsep atau pandangan yang memberi penekanan terhadap kebebasan OKU dalam membuat keputusan, menentukan hala tuju atau matlamat hidup dan mempunyai tanggungjawab sepenuhnya ke atas diri sendiri dalam pelbagai aspek kehidupan. Ia juga bertujuan untuk memberi penghormatan kepada OKU yang merupakan sebahagian daripada sistem yang membentuk sesebuah masyarakat serta mempunyai hak dan keperluan yang perlu dipenuhi dalam melangsungkan kehidupan mereka. JKM dengan kerjasama Japan International Cooperation Agency (JICA) telah menganjurkan Independent Living (IL) Programme sejak tahun 2005. Di bawah Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK11), 2016-2020, Kerajaan akan menubuhkan 7 buah Independent Living Centre di bawah Strategi B6 untuk memperkasakan OKU dengan mewujudkan persekitaran bebas halangan dan mesra OKU. iv. Perkhidmatan Kaunseling dan Nasihat Bagi OKU atau keluarga mereka yang menghadapi masalah dari segi emosi, keyakinan diri dan sebagainya atau memerlukan maklumat berkaitan jenis-jenis perkhidmatan yang diperlukan, bolehlah mendapatkan khidmat tersebut daripada Pegawai/Pembantu Kebajikan Masyarakat yang berkeelayakan atau kaunselor di Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri-Negeri. v. Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP), Bangi Pusat ini ditubuhkan bertujuan untuk memberi latihan vokasional dan pemulihan perubatan kepada OKU fizikal berumur di antara 14 hingga 40 tahun. Terdapat beberapa kursus yang telah disediakan. Di antaranya ialah kursus vokasional, Pembantu Tadbir Sistem Maklumat (Sijil Kemahiran Malaysia- Tahap 2), Jahitan Pembuatan Pakaian Wanita (Sijil Kemahiran Malaysia-Tahap 2), Elektrikal, Prostetik dan Ortotik, Fabrikasi Logam dan Pembuatan Kerusi Roda dan kursus-kursus lain seperti lukisan dan membatik. vi. Bengkel Terlindung Di bawah KPWKM terdapat dua Bengkel Terlindung iaitu Bengkel Daya Klang di negeri Selangor dan Bengkel Daya Sungai Petani di negeri Kedah. Penubuhan bengkel ini adalah untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada belia OKU yang tidak mampu bersaing di pasaran luar. Di samping itu, bengkel ini juga ditubuhkan untuk melatih mereka supaya berdikari dan meningkatkan

kemahiran mereka dalam bidang-bidang tertentu agar mereka mendapat lebih peluang bekerja di pasaran yang lebih terbuka. vi. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) PDK merupakan satu kaedah pembangunan komuniti untuk golongan OKU menjalani pemulihan dalam keluarga dan masyarakat sendiri yang memberi peluang kepada OKU menjalani pemulihan, mengecapi peluang sama rata dan berinteraksi dengan masyarakat. Program ini juga memberi pendedahan kepada pemulihan / terapi secara muzik dan kesenian. Pelatih PDK yang telah dilatih dan digilap bakatnya sering diundang untuk mengadakan persembahan semasa program anjuran JKM dan agensi kerajaan lain.

